

# MT UMNO sokong PBS sertai BN

UM - 8 DEC 2001

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Majlis Tertinggi UMNO (MT) menyokong kemasukan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional (BN).

Presiden UMNO berkata, sokongan itu akan dijadikan pendirian wakil UMNO apabila Dewan Tertinggi BN bermesyuarat selepas Hari Raya Aidilfitri ini bagi membuat keputusan mengenai kemasukan PBS.

"MT tidak ada halangan terhadap penyertaan semula PBS ke dalam BN dan ia akan menjadi pendirian wakil UMNO dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Ibu Pejabat UMNO di sini, hari ini.

Pada 15 November lalu, Presiden PBS, Datuk Seri Pairin Kitingan membuat permohonan rasmi kepada Dr. Mahathir untuk kembali ke pangkuan BN selepas mengambil kira pandangan

perwakilannya semasa kongres ke-16 parti itu di Penampang.

PBS sebelum ini menarik diri daripada BN untuk menyertai barisan pembangkang sehari sebelum pilihan raya umum diadakan pada Oktober 1990 kerana condong kepada Parti Melayu Semangat 46 yang pada masa itu diketuai oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Mengenai kemasukan salah seorang pemimpin PBS ke dalam sebuah parti komponen BN lain iaitu Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Dr. Mahathir berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat BN nanti.

Bagaimanapun, ia tidak menjadi masalah memandangkan pemimpin tersebut mungkin "sukakan parti komponen yang lain dan itu bukannya satu masalah kerana saya bukannya orang yang syak wasangka seperti pihak media," kata Perdana Menteri.

Semalam, Ahli Dewan Undangan Negeri Moyog dari PBS, Datuk Cle-

rence Bongkos Malakun mengumumkan menyertai UPKO.

Sementara itu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pemilihan ahli jawatankuasa di peringkat cawangan UMNO tetap akan diadakan pada tahun depan semasa mesyuarat agung tahunan cawangan diadakan.

"Keputusan ini dibuat kerana masih ada soalan yang ditanya oleh cawangan dan perlu ditegaskan bahawa pemilihan tetap akan diadakan (pada tahun depan)," kata Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO.

Menurut Dr. Mahathir, MT juga telah mengambil ketetapan bahawa isu kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam tidak perlu dibincangkan secara lanjut.

"Perkara itu tidak perlu dibahaskan kerana kami telah bersetuju bahawa Malaysia memang sebuah negara Islam," ujarnya.